



PASUKAN juara UMS bersama pegawai pasukan.

## UMS juara futsal Sukan Kakitangan IPTA

GL OH DE 19.8.2014 12

**KOTA KINABALU:** Tiga jaringan daripada Masturah Majid membantu Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk membenam Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) 5-0 dalam final untuk muncul juara dalam Temasya Sukan Kakitangan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Johor pada Isnin.

Masturah Majid menyempurnakan tariknya dalam masa 11 minit dengan jaringan pertama pada minit ketiga disusuli dua jaringan lagi pada minit ketujuh dan kesebelas manakala gol-gol lain dijaringkan oleh Sherilyn Pius pada minit kesembilan dan ke-16. Pengurus pasukan, Sariansah

Samsudin gembira dengan keputusan kerana ini merupakan kali pertama mereka bertanding dalam acara itu manakala pemenang tempat kedua merupakan juara bertahan.

Ini merupakan kejayaan kedua UMS terhadap pasukan sama dalam kejohanan yang turut ditumpaskan oleh mereka dengan jaringan sama dalam perlawanan peringkat kumpulan.

Terdahulu, dalam peringakt separuh akhir pada Ahad, UMS menempah tiket ke pusingan akhir dengan mengalahkan UTM dengan jaringan 3-1 manakala UniMAP mengalahkan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dalam satu lagi pertemuan separuh akhir.